

jejakgraduan

Mahir BI bantu kerjaya di syarikat bertaraf antarabangsa

Oleh Faizatul Farhana

Farush Khan

ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sejak mengenali subjek Bahasa Inggeris (BI) di bangku sekolah, Najihah Roslan terus 'jatuh cinta' sehingga teruja untuk mendalami dan menguasai bahasa global itu, bahkan sentiasa berusaha mengasah kemahiran menuturkannya dengan guru.

Beliau juga sekali-sekala berlatih bersembang dalam bahasa Inggeris dengan bapa yang merupakan lulusan universiti luar negara, dan minatnya terhadap mata pelajaran itu kian menebal ketika berumur lapan tahun apabila berjaya meraih keputusan cemerlang.

"Kedua-dua ibu bapa sentiasa memberi sokongan dan galakan, malah sanggup berkorban wang serta masa menghantar saya ke kelas tuisyen peribadi BI," katanya mengimbau kenangan lalu ketika dihubungi Varsiti, baru-baru ini.

Diberi kepercayaan

Lebih membanggakan, anak sulung daripada empat adik-beradik itu yang juga menggemari pelbagai bahan bacaan berbahasa Inggeris, tidak asing dengan pencapaian gred A dalam peperiksaan subjek berkenaan di sekolah.

Berbekalan tahap penguasaan yang bagus, Najihah kemudian melanjutkan

pelajaran dalam bidang bahasa itu pada peringkat diploma di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan ijazah pertama di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kini pada usia semuda 25 tahun, kelebihan dimiliki itu menyaksikan beliau diberi kepercayaan menggalas jawatan Pengarang Kumpulan di sebuah syarikat bertaraf antarabangsa di Alor Setar, Kedah.

Beliau bertanggungjawab memantau, menyiapkan dan menghantar laporan berbahasa Inggeris mengenai pengurusan dan perkembangan semasa syarikat yang menghasilkan serta memasarkan pelbagai produk berasaskan cendawan Ganoderma menerusi kaedah jualan langsung.

Wartawan pelatih

Selepas menerima penulisan mengenai perjalanan urus niaga syarikat daripada Jabatan Produk Kumpulan, beliau akan menyunting dan menyediakan laporan lengkap untuk diserahkan kepada pihak pengurusan atasan.

"Saya juga perlu menyiarkan artikel berhubung laporan itu dalam laman web dan majalah syarikat, termasuk memberi penerangan mengenai produk dikeluarkan," katanya.

Najihah tidak menafikan kemahiran berbahasa Inggeris memberi banyak kelebihan, antara lain keyakinan untuk berkomunikasi dengan pihak dari luar negara, meningkatkan

peluang kerjaya dan memahami karya penulis atau cendekiawan antarabangsa.

"Penguasaan bahasa ini membantu pengajian saya di universiti kerana dapat lebih memahami pengajaran pensyarah dan maklumat diperoleh melalui laman web.

"Melangkah ke dunia kerjaya pula, kemahiran ini sangat membantu saya dalam pelaksanaan tugas, selain meningkatkan keyakinan diri berurusan dengan rakan niaga syarikat dari luar negara," katanya.

Mengulas lanjut bidang kerjaya diceburi, Najihah berkata, minat mendalam itu timbul selepas berpeluang menimba pengalaman sebagai wartawan pelatih di sebuah syarikat akhbar berbahasa Inggeris beberapa tahun lalu.

Biarpun pendedahan beberapa tahun lalu itu menuntut masa kerja tidak menentu sehingga adakala perlu bertugas pada waktu malam, beliau tetap teruja kerana dapat mencabar keupayaan diri.

Beliau mengaku gembira dan puas hati apabila dapat menyampaikan maklumat berguna melalui penulisan kepada masyarakat, di samping menimba ilmu baharu setiap hari.

"Tugas ini membolehkan saya berjumpa dengan ramai orang dan mengetahui latar belakang mereka yang berbeza, sekali gus dapat dimanfaatkan untuk memperbaiki diri," katanya.



Najihah (depan) ketika menjadi fasilitator kem kepimpinan anjuran UPM.

Merakamkan kenangan di Jabal Rahmah ketika menunaikan umrah pada 2014.



Gembira diraikan pada majlis konvokesyen di KUIS.

Menerima Anugerah Jasa

Bakti daripada Kolej 12 UPM yang disampaikan oleh pihak pengurusan universiti sewaktu bergelar mahasiswa (Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran kini adalah Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris).



profil

Najihah Roslan

- Umur: 25 tahun
- Tarikh lahir: 18 Oktober 1992
- Tempat lahir: Mergong, Alor Setar, Kedah
- Hobi: Membaca dan meluangkan masa lapang bersama-sama keluarga
- Pendidikan: Diploma Pengajian Bahasa Inggeris, KUIS, dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kesusasteraan Inggeris), UPM
- Trivia:
 - Menyukai kucing tetapi takut mendekati haiwan itu
 - Warna kegemaran ialah hitam kerana mudah disesuaikan dengan pakaian dan aksesori
 - Gemar memandu kereta
 - Meminati makanan pedas, lazimnya perlu ada cili padi
 - Membaca berita tempatan dan antarabangsa setiap hari